

Headline **Bukan dera**
Date **08 Jul 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **L-38**
Article Size **159 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,419**
PRValue **10,256**



Bukan dera

Majoriti banduan mati dalam tahanan akibat sakit

Aniza Zainudin

KAJANG: Hanya 11 daripada 1,500 banduan meninggal dunia di penjara, manakala selebihnya di hospital akibat penyakit, bukannya disebabkan penyalahgunaan kuasa pegawai penjara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, statistik bagi tempoh 2003 sehingga 2007 itu menunjukkan kebanyakan banduan meninggal dunia di hospital akibat penyakit seperti HIV dan batuk kering (tibi).

"Statistik ini perlu diumumkan kepada orang ramai bagi membetulkan persepsi mereka mengenai kematian membabitkan banduan di penjara.

"Segelintir banduan semanganya menghidap penyakit seperti HIV berikutan terbabit dengan gejala dadah sebelum itu," katanya.

Beliau berkata demikian



dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Penutupan Perasmian Kursus Sijil Menengah Pengurusan Penjara Siri 1/2010, di sini, semalam.

Dalam majlis sama, beliau turut mengumumkan Program Rumah Perantaraan (HWH) bagi membantu bekas banduan mendapatkan pekerjaan dalam tempoh tiga bulan, sekali gus mengelak mereka terjerumus semula melakukan jenayah.

Katanya, peruntukan RM906,000 diluluskan Kementerian bagi program berkenaan.

Menurutnya, terdapat enam lokasi dikenal pasti

bagi HWH, antaranya Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang, Johor serta Pulau Pinang, namun sebuah rumah sudah beroperasi di Jalan Duta yang menempatkan empat bekas banduan.

Katanya, pengurusan HWH itu akan ditadbir Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dengan pemantauan Jabatan Penjara Malaysia.

Selain itu, beliau turut mengumumkan program Pusat Kehadiran Wajib (PKW) bagi pesalah yang tidak dihukum penjara sebaliknya menjalani tugas komuniti.

Program terbabit dijangka dilaksanakan bermula Ogos nanti dengan peruntukan RM2.3 juta yang diluluskan Kementerian bagi 2010.

Katanya, tujuan PKW ditubuhkan adalah untuk mengurangkan kesesakan dalam penjara serta kos kerajaan menanggung pesalah kesalahan kecil yang hukumannya kurang daripada tiga bulan.